

**PERSEPSI TERHADAP PROFESYEN JURUAUDIT DI KALANGAN
PELAJAR ALIRAN PERDAGANGAN SEKOLAH MENENGAH TEKNIK
SEKITAR NEGERI SEMBILAN**

MD HIDAYAT B ABD JALIL

Laporan Projek ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

FEBRUARI, 2004

DEDIKASI

Dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi yang baginya segala ilmu di alam ini

Untuk bonda tercinta Pn Raja Zainah Binti Raja Bujang.....

Anakmu kini telah berjaya memakbulkan harapan bonda. Ketahuilah bahawa bonda adalah sumber inspirasi buat anakanda untuk mengejar impian ini. Keranamu Bonda, anakanda telah dapat mengharungi liku-liku hidup.

Tidak terbalas budi dan jasa pengorbanan yang dicurahkan selama ini.

Hanya Allah yang akan membalasnya.

DITITIPKAN JUGA KEPADA....

Ahli keluargaku..Itin Binti Bidin, Jazalina Abd Jalil, Azhar Mustapha, Emy Azlinda Asman,

Izul dan Ikmal

Segala sokongan dan inspirasi dari kalian amat dihargai

KEJAYAAN INI ADALAH MILIK KITA BERSAMA

PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Segala pujian bagi Allah serta selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Syukur ke hadrat Ilahi di atas limpah kurnia-Nya, maka dapat saya menyiapkan kajian ini dengan selamat dan jayanya. Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tn Haji Zulkifli B Senin selaku pembimbing yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang tempoh kajian tanpa rasa letih dan jemu. Berkat tunjuk ajar yang diberikan serta semangat dan motivasi, saya mempunyai keyakinan yang tinggi untuk menjalankan kajian ini. Segala jasa baik beliau amat dihargai dan ianya amat berguna dan begitu bernilai sekali. Tidak dilupakan, pensyarah-pensyarah lain terutamanya Cik Rahmah Bte Salleh yang turut memberikan tunjuk ajar yang tidak ternilai harganya. Segala idea-idea dan cadangan mereka memantapkan lagi kajian ini.

Ucapan terima-kasih juga ditujukan kepada pihak sekolah dan pelajar tingkatan empat aliran perdagangan SMT Juasseh, SMT Tuanku Jaafar, SMT Port Dickson dan SMT Ampangan, Negeri Sembilan yang turut memberikan kerjasama sepanjang kajian. Kepada rakan-rakan seperjuangan, kakitangan-kakitangan Fakulti Teknologi Kejuruteraan, ibu bapa dan keluarga yang telah banyak memberi sokongan, bantuan dan galakan diucapkan terima-kasih dengan pengorbanan yang tidak ternilai. Harapan saya agar kajian ini memberi manfaat kepada semua.

Wassalam.

Md Hidayat Bin Abd Jalil

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti persepsi terhadap profesyen juruaudit daripada responden (pelajar aliran perdagangan sekolah menengah teknik, sekitar Negeri Sembilan). Kesemua data yang telah dikumpul akan dijadikan platform untuk membangunkan CD-ROM yang boleh digunakan sebagai panduan dan pengetahuan am terutamanya kepada para pelajar. Bagi kegunaan sekolah, guru boleh menayangkan CD-ROM ini sebagai motivasi kepada bekas pelajar PMR (Penilaian Menengah Rendah) untuk memilih kerjaya ini (aliran perdagangan) apabila mereka memasuki tahap pendidikan yang lebih tinggi (tingkatan empat). Tambahan pula, ia memberi sedikit pendedahan kepada pelajar berkaitan kerjaya mereka pada masa depan. Keseluruhan data telah dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS) version 11.5* di mana statistik deskriptif seperti kekerapan, peratusan dan *crossstabulation* telah digunapakai untuk menganalisis data. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa secara majoritinya, kesemua responden mempunyai persepsi yang salah mengenai profesyen juruaudit berpandukan kepada jenis juruaudit, tanggungjawab juruaudit, peraturan yang perlu dipatuhi oleh juruaudit dan pihak yang terlibat dengan profesyen juruaudit. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa secara umumnya, persepsi responden lelaki sebenarnya lebih tepat sekiranya dibandingkan dengan responden perempuan.

ABSTRACT

The main purpose of this study is to determine the perception of the auditor profession from the respondent (trade stream student of technical school around Negeri Sembilan). All the data that have been collected will be as the platform to develop a CD-ROM that can be used as a guide and general knowledge especially for the student. For school purpose, teacher can show this CD-ROM as a motivator to the ex-candidates of PMR (Penilaian Menengah Rendah) to choose this field (trade stream) when they enter the upper level of school (form four). Furthermore, it gives some exposure to the student about their career in future. The whole data have been analyzed by using *Statistical Package for Social Science (SPSS) version 11.5* where the descriptive statistics such as frequencies, percentage and crosstabulation were used to analyze the data. The findings of this study showed that in majority all the respondent got the wrong perception about auditor profession according to the types of auditor, the responsibility of auditor, the law that the auditor must be obey and the party that involve with auditor profession. The finding also show in generally that the perception of male respondent, is more accurate about the auditor profession if compare to the female respondent.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN PENYELIDIK	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv



BAB I	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar-belakang masalah	3
1.3	Pernyataan masalah	3
1.4	Persoalan kajian	4
1.5	Matlamat kajian	4
1.6	Objektif kajian	4
1.7	Kepentingan kajian	5
	1.6.1 Penyelidik	5
	1.6.2 Pelajar	5
	1.6.3 Pihak sekolah	6
1.8	Skop kajian	6
1.9	Definisi istilah	7
	1.9.1 Persepsi	7
	1.9.2 Juruaudit	7
	1.9.3 Pelajar	8
	1.9.4 Kerjaya	8
1.10	Kerangka teori	9
BAB II	SOROTAN KAJIAN	
2.1	Pengenalan	10
2.2	Kajian berkaitan persepsi terhadap profesyen juruaudit	10
	2.2.1 Tanggungjawab juruaudit	12
	2.2.2 Laporan audit atau laporan kewangan	13
	2.2.3 Kebebasan juruaudit	17
	2.2.4 Jenis-jenis pengauditan	18
2.3	Kajian berkaitan pemilihan kerjaya	19
	2.3.1 Penentuan kerjaya	20
	2.3.2 Pemilihan kerjaya	21
	2.3.3 Faktor lain yang mempengaruhi pemilihan kerjaya	24
2.4	Kesimpulan	25
	2.4.1 Kajian persepsi berkaitan profesyen juruaudit	25
	2.4.2 Kajian berkaitan pemilihan kerjaya	26

BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	27
3.2	Rekabentuk kajian	27
3.3	Populasi dan sampel kajian	28
3.4	Instumen Kajian	29
3.4.1	Bahagian A	30
3.4.2	Bahagian B	30
3.4.3	Bahagian C	31
3.5	Kesahan dan kebolehpercayaan	31
3.5.1	Kesahan	31
3.5.2	Kebolehpercayaan	32
3.5.3	Kajian rintis	33
3.6	Kaedah pengumpulan data	34
3.7	Analisis data	34
3.7.1	Peratusan dan kekerapan	34
3.7.2	Analisis deskriptif	35
3.8	Andaian	35
3.9	Batasan kajian	35
3.10	Rangka kerja operasi	36
BAB IV	ANALISIS DATA	
4.1	Pendahuluan	37
4.2	Latar belakang responden	38
4.2.1	Jantina	38
4.2.2	Umur	39
4.2.3	Keputusan PMR	39
4.2.4	Pekerjaan ibu bapa	40
4.2.5	Kekerapan pergi ke perpustakaan	41
4.3	Prosedur menganalisis data	42
4.3.1	Analisis deskriptif menggunakan peratus	43
4.3.1.1	Jenis juruaudit	43
4.3.1.2	Tanggungjawab juruaudit	45

4.3.1.3 Peraturan yang perlu dipatuhi oleh juruaudit	47
4.3.1.4 Pihak yang terlibat dengan juruaudit	48

BAB V PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	50
5.2	Perbincangan	51
5.2.1	Persepsi pelajar terhadap jenis juruaudit	51
5.2.2	Persepsi pelajar berkaitan tanggungjawab sebenar juruaudit	52
5.2.3	Persepsi pelajar berkenaan peraturan yang perlu dipatuhi oleh juruaudit ketika melakukan kerja-kerja pengauditan	53
5.2.4	Persepsi pelajar tentang pihak yang terlibat dengan juruaudit semasa proses pengauditan dijalankan	54
5.3	Cadangan penghasilan CD-ROM	54
5.3.1	Rekabentuk dan tatacara penggunaan CD-ROM	56
5.4	Cadangan kajian untuk masa depan	62
5.5	Kesimpulan	64

BIBLIORGRAFI

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 3.1	Pengagihan Sampel Mengikut Sekolah	28
Jadual 3.2	Skala Likert (telah diubah-suai)	30
Jadual 4.1	Taburan Bilangan Responden Mengikut Jantina	39
Jadual 4.2	Taburan Peratusan Responden Mengikut Umur	39
Jadual 4.3	Taburan Keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR)	40
Jadual 4.4	Taburan Pekerjaan Ibubapa	41
Jadual 4.5	Taburan Peratus Kekerapan Pelajar Pergi Ke Perpustakaan	41
Jadual 4.6	Jadual Tahap Persepsi	43
Jadual 4.7	Taburan Kekerapan bagi Setiap Item Jenis Juruaudit	44
Jadual 4.8	Taburan Kekerapan bagi Setiap Item Tanggungjawab Juruaudit	45
Jadual 4.9	Taburan Kekerapan bagi Setiap Item Peraturan Yang Perlu Dipatuhi Oleh Juruaudit	47
Jadual 4.10	Taburan Kekerapan bagi Setiap Item Pihak Yang Terlibat Dengan Juruaudit	48

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Kerangka Teori	9
Rajah 3.1	Rangka Kerja Operasi	36



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN**LAMPIRAN****TAJUK**

- | | |
|---|--|
| A | Borang Soal-selidik |
| B | Surat Kebenaran Menjalankan Kajian |
| C | Realibility Analysis-Scale Alpha |
| D | Analisis Deskriptif Peratusan |
| E | Surat Pengesahan Soal-Selidik |
| F | Penentuan Sampel Oleh Krejcie dan Morgan |



PTTA
PERPUSTAKAAN TUNJUNGAN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bidang pekerjaan di Malaysia terdiri daripada sektor swasta, sektor kerajaan dan bekerja sendiri yang mempunyai pelbagai kategori pekerja dari pekerja bawahan sehingga ke peringkat pengurusan. Setiap kategori tersebut mempunyai pekerja yang berpengalaman dan juga kurang pengalaman termasuklah golongan pelajar yang baru menamatkan pengajian mereka di institusi pengajian tinggi.

Sebenarnya, tahap kesedaran pekerjaan yang tinggi di kalangan pelajar dapat membantu mereka untuk menceburi pekerjaan yang bersesuaian dengan minat, personaliti dan seterusnya berupaya mengoptimumkan kepuasan peribadi terhadap kerjaya masing-masing (Mohd Yahya dan Roseliza Murni, 2002). Ini sesuai dengan teori pembangunan diri yang diperkenalkan oleh Abraham Maslow (Michael Daniels, 2001) di mana terdapat lima tahap keperluan manusia sehingga ke tahap penyempurnaan sendiri yang menunjukkan bahawa manusia mempunyai peringkat-peringkat dalam memajukan diri masing-masing. Oleh itu, setiap pelajar perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran dan ilmu di mana ianya perlu bersesuaian dengan bidang pekerjaan yang akan diceburi kelak.

Sungguhpun demikian, para pelajar perlu membuat pemilihan kerjaya yang sesuai dengan keadaan pasaran pekerjaan sekarang. Tun Dr Mahathir Mohamad menjelaskan bahawa pelajar yang memilih jurusan yang tidak sesuai dengan keperluan negara tidak harus menyalahkan kerajaan apabila sukar mendapatkan pekerjaan selepas menamatkan pengajian (Kadir Dikoh, 2000). Ini membuktikan bahawa pemilihan pekerjaan sebenarnya memerlukan seseorang pelajar mengetahui bagaimana sesuatu bidang pekerjaan itu dilaksanakan serta memahami aspek-aspek yang secara tidak langsung perlu dikuasai semasa melaksanakan pekerjaan tersebut. Menurut Slocum (Masriaini, 2001), terdapat empat faktor yang mempengaruhi tindakan seseorang individu dalam pemilihan kerjaya iaitu :

- 1) pembolehubah-pembolehubah seperti kebolehan, minat, jantina, umur, ciri-ciri fizikal dan sejarah hidup seseorang
- 2) sosial dan budaya seperti nilai-nilai masyarakat, pra-syarat dan peluang-peluang pekerjaan
- 3) hubungan interpersonal dengan individu-individu lain
- 4) nilai-nilai rujukan seperti keluarga, rakan sebaya dan guru

Justeru itu, Rohani Nasir (1985) menjelaskan bahawa, masa persekolahan terutama sekali pada peringkat sekolah menengah merupakan masa yang penting bagi membantu kesedaran, membuat perancangan serta membuat keputusan berhubung kerjaya.

Di antara bidang pekerjaan yang boleh diceburi oleh para pelajar selepas menamatkan pengajian di Malaysia ialah dari sektor perkhidmatan seperti bidang pengauditan. Bidang pengauditan terdiri dari beberapa skop yang boleh diklasifikasikan mengikut jenis-jenis juruaudit, tanggungjawab juruaudit, piawaian atau peraturan yang perlu dipatuhi oleh juruaudit serta beberapa aspek minor yang lain (Engku Ali Engku Ismail, 2001). Ini semua akan ditempuhi oleh para pelajar yang berhasrat untuk bekerja dalam bidang tersebut secara berperingkat-peringkat.

1.2 Latar Belakang Masalah

Peranan sebenar juruaudit dan beberapa aspek berkaitannya memerlukan pemahaman yang mendalam untuk mengelakkan persepsi yang tidak tepat tentang juruaudit. Kewujudan kesalahfahaman tentang juruaudit telah dibuktikan melalui penemuan-penemuan pengkaji terdahulu yang mendapati wujudnya ketidakfahaman beberapa pihak seperti pengguna kewangan (pihak selain juruaudit) tentang aspek tanggungjawab juruaudit dan sebagainya.

Sebagai contoh, kajian yang dilakukan oleh Buckby *et al.* (2001) telah menemui perbezaan tanggapan di antara pegawai bank, pelabur serta juruaudit sendiri tentang kejujuran juruaudit, kebertanggungjawaban juruaudit serta kegunaan pembuatan keputusan dari laporan juruaudit. Selain itu, kajian oleh Monroe dan Woodliff (1993), telah membuktikan bahawa berlaku perbezaan persepsi tentang tugas dan tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh juruaudit di kalangan orang awam dengan juruaudit sendiri.

1.3 Pernyataan masalah

Kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini menjelaskan tentang kewujudan jurang persepsi dalam beberapa perkara terutamanya berkaitan tanggungjawab juruaudit. Oleh itu, masalah yang akan dikaji ialah berkonsepkan jurang persepsi bertajuk “Persepsi terhadap profesyen juruaudit di kalangan pelajar aliran perdagangan sekolah menengah teknik sekitar Negeri Sembilan”.

1.4 Persoalan kajian

Persoalan kajian yang dinyatakan seperti berikut akan dijadikan item dalam soalan kaji-selidik bagi perolehan data.

1. Apakah persepsi pelajar terhadap maksud juruaudit ?
2. Apakah persepsi pelajar berkaitan tanggungjawab sebenar juruaudit ?
3. Apakah persepsi pelajar berkenaan peraturan yang perlu dipatuhi oleh juruaudit ketika melakukan kerja-kerja pengauditan ?
4. Apakah persepsi pelajar tentang pihak yang terlibat dengan juruaudit semasa proses pengauditan dijalankan ?

1.5 Matlamat Kajian

Kajian yang dilakukan adalah untuk mengkaji persepsi terhadap profesyen juruaudit yang mana ia merangkumi jenis-jenis juruaudit, tanggungjawab juruaudit, pihak yang terlibat dengan juruaudit dan peraturan yang perlu dipatuhi oleh juruaudit.

1.6 Objektif Kajian

Pengkaji membuat kajian ini adalah untuk melihat persepsi di kalangan pelajar terhadap profesyen juruaudit. Ia berupaya untuk mengenalpasti aspek-aspek dalam profesyen juruaudit yang mendapat persepsi yang betul dan juga aspek-aspek yang mendapat persepsi yang salah dikalangan pelajar. Oleh yang demikian,

sebarang aspek yang mendapat persepsi yang salah di kalangan pelajar diketengahkan untuk dijadikan sumber-sumber penyelesaian terhadap persepsi tersebut. Di samping itu juga ia bertujuan untuk memberi maklumat secara umum berkaitan profesyen juruaudit kepada para pelajar bagi dorongan mereka dalam memilih bidang juruaudit sebagai salah satu kerjaya pada masa depan.

1.7 Kepentingan kajian

Kepentingan kajian dalam melaksanakan kajian ini ialah ia dapat memberikan sumbangan kepada penyelidik, responden dan pihak sekolah.

1.7.1 Penyelidik

Kajian ini dapat membantu penyelidik dalam mengenalpasti kewujudan pelbagai persepsi dalam memahami bidang pengauditan dan seterusnya menyediakan salah satu cara penyelesaian bagi mengurangkan sebarang persepsi yang salah terhadap profesyen juruaudit.

1.7.2 Pelajar

Pelajar pula berupaya mengetahui bidang pengauditan secara umum dan mampu menanamkan minat untuk menceburi bidang ini apabila melangkah ke alam

kerjaya. Pelajar juga boleh mengetahui pelbagai aspek yang boleh dikaitkan dengan bidang pengauditan.

1.7.3 Pihak sekolah

Pihak sekolah boleh menggunakan inisiatif yang dicadangkan oleh pengkaji sebagai salah satu medium maklumat untuk disalurkan kepada pelajar terutamanya pelajar lepasan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dalam memilih bidang (aliran pendidikan) perdagangan untuk mengorak langkah ke peringkat yang lebih tinggi dengan menjurus kepada bidang pengauditan.

1.8 Skop kajian

Skop kajian ini menumpukan kepada pelajar tingkatan empat yang mengambil aliran perdagangan di empat buah sekolah menengah teknik sekitar Negeri Sembilan iaitu Sekolah Menengah Teknik Juasseh, Sekolah Menengah Teknik Port Dickson, Sekolah Menengah Teknik Ampangan dan Sekolah Menengah Teknik Tuanku Jaafar.

1.9 Definisi istilah

Istilah yang akan dihuraikan adalah berkaitan tajuk kajian iaitu “Persepsi”, “Juruaudit”, “Pelajar” dan “Kerjaya” sepertimana di dalam huraian pada halaman seterusnya.

1.9.1 Persepsi

Ab. Aziz Yusof (2000) menjelaskan persepsi sebagai satu proses di mana individu dan organisasi menginterpretasi mesej bagi memberi makna kepada persekitaran di mana mereka berada. Newstrom dan Davis (1997) pula menyatakan persepsi adalah tanggapan yang unik bagaimana mempengaruhi seseorang untuk melihat, menyusun dan menterjemah terhadap sesuatu perkara atau peristiwa. Namun demikian, persepsi dalam kajian ini adalah merupakan persepsi terhadap profesyen juruaudit berkaitan aspek-aspek yang telah ditentukan.

1.9.2 Juruaudit

Juruaudit ialah individu yang dipertanggungjawabkan untuk mengaudit laporan kewangan dan aset-aset sesebuah organisasi bagi memastikan tiada penipuan dan penyelewengan (Engku Ali Engku Ismail *et al.*, 2001).

1.9.3 Pelajar


Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) menjelaskan bahawa pelajar adalah seseorang yang menerima apa-apa perihalan pendidikan, pengajaran atau latihan sepenuh masa daripada sesuatu institusi pendidikan (Abdul Nasir, 1997). Di dalam kajian ini, golongan pelajar yang terlibat adalah merupakan pelajar tingkatan empat aliran perdagangan di sekolah menengah teknik sekitar Negeri Sembilan.

1.9.4 Kerjaya

Mohamad Fadzil dan Rosidah (2002) menyatakan bahawa kerjaya adalah kerja atau aktiviti-aktiviti untuk memenuhi keperluan-keperluan psikologikal, ekonomikal dan sosiologikal individu dan ini direalisasikan dengan bekerja hingga berjaya. Ia dipersetujui oleh Khor Kah Houn (1991) yang menjelaskan bahawa kerjaya merupakan keseluruhan bidang yang dialami oleh seseorang individu sepanjang hidupnya. Oleh itu, kajian ini diharapkan agar dapat mendorong para pelajar untuk memilih profesyen juruaudit pada masa depan.

1.10 Kerangka Teori

Kerangka teori yang dibentuk adalah berdasarkan kepada sebahagian aspek yang akan dikaji dalam kajian ini sepertimana yang ditunjukkan di dalam Rajah 1.1. Ia mengambilkira teori dan pendapat yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang mencari kemungkinan berlaku perbezaan persepsi terhadap juruaudit serta aspek-aspek berkaitan pemilihan kerjaya.



Rajah 1.1 : Kerangka Teori

BAB 11

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Sorotan kajian ini akan menyentuh kepada dua bahagian iaitu tentang kajian berkenaan persepsi terhadap profesyen juruaudit serta kajian terhadap pemilihan kerjaya sebagai aspek minor.

2.2 Kajian berkaitan persepsi terhadap profesyen juruaudit

Kajian-kajian terdahulu yang mencari persepsi tentang juruaudit sebenarnya lebih menekankan kepada aspek perbezaan persepsi berkaitan tanggungjawab juruaudit dalam menjalankan tugas harian mereka di samping kriteria-kriteria lain. Sebenarnya, kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu mempunyai tujuan tertentu. Di antaranya ialah untuk mengkaji samada terdapat persepsi yang tidak tepat tentang profesyen pengauditan. Oleh yang demikian, dalam menghuraikan kajian berkenaan juruaudit, ia akan dipecahkan kepada dua aspek iaitu

tanggungjawab juruaudit dan laporan audit atau laporan kewangan serta lain-lain kajian.

Jurang persepsi (perbezaan pendapat) pertama kali diperkenalkan oleh Liggio (1974) dalam kajiannya iaitu “The Expectation Gap : The Accountant’s Waterloo” di mana beliau telah berjaya mengenalpasti bahawa berlaku jurang persepsi terhadap mesej yang cuba disampaikan dalam laporan audit.

Monroe dan Woodliff (1993) menjelaskan bahawa jurang persepsi adalah perbezaan tentang kepercayaan di kalangan orang awam dan juruaudit tentang tugas dan tanggungjawab yang dijangka dilaksanakan oleh juruaudit serta mesej yang cuba disampaikan dalam laporan audit. Jennings *et al.* (1993) pula menghuraikan bahawa ia adalah perbezaan tentang apa yang dijangka oleh orang awam dari profesyen pengauditan dengan apa yang sebenarnya disumbangkan oleh profesyen tersebut. Porter (1993) pula menjelaskannya sebagai apa yang dijangka oleh masyarakat terhadap juruaudit dan prestasi juruaudit di mana ia mempunyai dua komponen iaitu jurang kemunasabahan dan jurang prestasi.

Jurang persepsi terhadap juruaudit sebenarnya mempunyai dua komponen utama di mana menurut Porter (1988), komponen pertama ialah perbezaan antara harapan masyarakat terhadap juruaudit dengan apa yang sepatutnya dihasilkan oleh juruaudit tersebut dan komponen kedua pula ialah perbezaan persepsi berkaitan tanggungjawab – tanggungjawab yang sepatutnya dilakukan oleh juruaudit dengan prestasi kerja mereka dari pandangan masyarakat.

Ia turut dipersetujui oleh David *et al.* (2000). Beliau menyatakan bahawa jurang persepsi juga terdiri dari dua komponen iaitu

- 1) Jurang persepsi (perbezaan persepsi) terhadap apa yang masyarakat harapkan dari juruaudit untuk dicapai dengan apa yang sebenarnya diselesaikan oleh juruaudit itu sendiri.

- 2) Jurang persepsi (perbezaan persepsi) tentang apa yang sepatutnya menjadi harapan dari masyarakat berbanding apa yang juruaudit itu jangka untuk diselesaikan (dicapai).

2.2.1 Tanggungjawab juruaudit

Juruaudit mempunyai peranan yang besar dalam menentukan setiap proses pengauditan yang dijalankan agar ianya dapat memenuhi kehendak kedua-dua pihak iaitu pihak pengurusan dan pihak ketiga (seperti pelabur dan orang awam).

Chi Moo Koo dan Ho Seong Sim (1999) telah mengkaji konflik yang berlaku dalam memahami tanggungjawab juruaudit di mana mereka telah mengambil responden di sekitar orang awam dan juruaudit di Korea. Konflik telah wujud di kalangan juruaudit di mana golongan berkenaan cuba untuk mengekalkan norma-norma profesional dan pada masa yang sama terpaksa mempertimbangkan kemahuan pihak pengurus.

Ada pengurus yang cuba menyembunyikan data sebenar dalam laporan kewangan tahunannya bagi tujuan tertentu. Sebagai contoh, walaupun syarikat mengalami kerugian dalam sesuatu tahun kewangan, pihak pengurus akan tetap memastikan laporan kewangan mencatatkan keuntungan bagi mengelakkan pelabur syarikat berkenaan membuat keputusan untuk tidak lagi melabur dalam syarikat tersebut (dari segi sumbangan modal berbentuk saham). Juruaudit juga terpaksa melaporkan keuntungan berkenaan (juruaudit dalaman) kerana berkemungkinan berhadapan dengan tindakan pihak pengurusan yang akan menggantikan tempat mereka dengan juruaudit baru atau menghadapi hukuman berbentuk pembuangan kerja. Ia turut diakui dengan kajian yang dijalankan oleh Lee (1990) yang

BIBLIOGRAFI

Ab. Aziz Yusof (2000). "Pengurus dan Gelagat Organisasi di Abad ke-21." Petaling Jaya : Prentice Hall

Abd Rahman Aziz (2000). "Pekerjaan Dalam Kehidupan Manusia." Petaling Jaya : Prentice Hall

Abdul Nasir Hassan (1997). "Aspirasi Pekerjaan Pelajar dan Beberapa Faktor Yang Mempengaruhinya." Universiti Kebangsaan Malaysia : Tesis Ph. D.

Annerbach, S.M. dan Grambling, S.E. (1998). "Stress Management : Psychology Foundation." Upper Saddle, River NJ : Prentice-Hall Inc.

Bailey *et al.* (1983). "Effect of Audit report Wording Changes On The Perceived Message." *Journal of Accounting Research*. 355-370

Buckbey *et al.* (2001). "Evidence of The Audit Expectation Gap in Singapore." *Managerial Auditing Journal*. 6. 134-144

Chew, Sing Buan (1995). "Educational and Work-Aspiration of Malaysia Secondary School Students." Kuala Lumpur : Universiti Malaya

Chi, Mo Koo dan Ho, Seong Sim (1999). "On The Role Conflict of Auditors In Korea," *Accounting, Auditing and Accountability Journal*. 12: 206-219

Cohen, B.F.G. (1984). "Organizational Factors Affecting Stress In The Clerical Worker." Amsterdam : Mc Graw Hill

Cooper R.Donalds, Schindler S.Pamela (1998). "Business Research Methods." 6th edition. New York : Mac Milan

Crites, J.O. (1969). "Career Maturity Inventory : Aministration and Research Handbook." Montrey : Mc Graw Hill

- David *et al.* (2000) "The Audit Report : A Misunderstanding Gap Between Users and Preparers." *National Public Accountant Journal*.
- Engku Ali Engku Ismail *et al.* (2001). "Perakaunan Sektor Awam." Sintok : Penerbit Universiti Utara Malaysia
- Epstein dan Geiger (1994). "Investors veiw Of Audit assurance : Recent evidence Of The Expectation Gap." *Journal of Accountancy*. 177. 60-65
- Ferdinand (1998). "Bankers' Perceptions of Factors Affecting Auditor Independence." *Accounting and Business Research*. 4. 40-49
- Gregory *et al.* (1998). "Inhrent Risk and Indicative Factors : Senior Auditor's Perceptions." *Managerial Auditing Journal*. 13. 455-464
- Hatherly *et al.* (1991). "The Expanded Audit Report-An Empirical Investigation." *Accounting and Business Research*. 20. 111-121
- Humphrey *et al.* (1992). "The Audit Expectation Gap in The United Kingdom." *Accounting and Business Research*. 6. 265-277
- Humphrey *et al.* (1993). "The Audit Expectation Gap in Britain : An Empirical Investigation." *Accounting and Business Research*. 23. 395-411
- Kadir Dikoh. 2000. "Pelajar Perlu Pilih Jurusan Sesuai." Berita Harian, 30 Jun 2000, halaman 37
- Kamus Dewan (2000). Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur.
- Kelly, A.S. dan Mohrweis, L.C. (1989). "Banker's and Investors Perceptions Of The Auditor's Role In Financial Statement Reporting : The Impact Of SAS No. 58." *Auditing : A Journal of Practice and Theory*. 9. 87-97

- Khor, Kah Houn (1991). "Minat Kejaya Di Kalangan Pelajar Di Tinjau Dari Sudut Jantina, Etnik dan Kursus Pengajian, Satu Tinjauan Di Sebuah Pusat Pengajian Tinggi. Tesis sarjana. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia
- Krejcie, R.V dan Morgan, D.W (1970). "Determining Sample Size for Research." *Educational and Psychological Measurement*. **30**. 607-610
- Lee, H.I. (1990). "The Impact On Independence Under Free Engagement System." *Korean Accounting Review*. **11**. 181-216
- Libby, R. (1979). "Banker's and Auditors perceptions of The Message Communicated By The Audit Report." *Journal of Accounting Research*. 99-102
- Liggio, C.D. (1974). "The Expectation Gap : The Accountant's Waterloo." *Journal of Contemporary Business*. **3**. 27-44
- Low, A.M. (1984). "The Audit Report : Time For A Change." Singapore Accountant, September, 17-21
- Loyd dan Aminah (1987). "Career Aspirations : Education and Work." Kuala Lumpur : Universiti Malaysia
- Jennings *et. al.* (1993). "The Significance Of Audit Decision Aids And Precase Jurist's Attitudes On Perceptions Of Audit Firm Culpability And Liability." *Contemporary Accounting Research*. **9**. 489-507
- Masriaini (2001). "Tinjauan Terhadap Faktor-faktor Yang Berkaitan Pemilihan Kerjaya Pelajar-pelajar sekolah Menengah Teknik Batu Pahat." Tesis Sarjana : Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn
- Mc Innes (1994). "The Audit Expectation Gap In The Republic Of South Africa." *Accounting dan Buseiness Research*. **24**. 282-283

- Michael Daniels (2001). "Maslow's Concept of Self-Actualization." Capaian Internet. [Http://www.michaeldaniels.com](http://www.michaeldaniels.com) (11-01-2003)
- Mohamad Fadzil Che Din dan Rosidah Omar (2002). "Pengantar Bimbingan dan Kauseling." Kuala Lumpur : Mc Graw Hill
- Mohd Jamal Kamarul Arifin(1999). "Pengenalan Kepada Audit Perniagaan." Shah Alam : Karisma Publication Sdn Bhd
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2001). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai : Cetak Ratu Sdn. Bhd.
- Mohd Majid Konting (1990). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Yahya Mohamed Ariffin dan Roseliza Murni Ab. Rahman (2002). "Melangkah Ke Dunia Pekerjaan." Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Monroe, G.S. dan Woodlif, D.R. (1993). "The effect of Education on The Audit Expectation Gap." *Accounting and Finance*. 33. 61-78
- Nadesan (1982). "Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pilihan Kerjaya Di Sekolah Bandar dan Luar Bandar." Universiti Kebangsaan Malaysia : Tesis Sarjana
- Nair, B.D. dan Rittenberg, L.E. (1987). "Message Perceived from Audit Review and Complication reports : Extension To More Diverse Group." *Auditing : A Journal of Practice and Theory*. 7. 15-38
- Newstrom dan Davis (1997). "Organizational Behaviour : Human Behavior At Work." New York : Mc Graw Hill

- Noraini Ahmad (1994). "Kauseling Remaja : Pengalaman Peribadi Seorang Kaunselor." Petaling Jaya : Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Porter, B.A. (1993) "An Empirical Study Of The Audit Expectation-Performance Gap." *Accounting and Business Research*. 24. 49-68
- Porter, B.A. (1988) "The Audit Expectation Gap." Massey University New Zealand Discussion Paper. No. 72
- Rohani Nasir (1985). "Pendekatan dan Bimbingan Ke Arah Kematangan Kerjaya di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah." *Majalah Psikologi*. Bil. 8. 17-35.
- Sekaran (1992). "Research Method for Business : A Skill Building Approach." 2nd Edition. United States of America : John Willey & Sons Inc.
- Sulaiman Ngah Razali (1991). "Analisis Data dalam Penyelidikan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Tedd (1993). "CD-ROM." Capaian internet. <http://www.members.tripod.com/jusni/cd-rom>. (12-02-2003)
- Wiersma. W. (1995). "Research Methods In Education." 6th Edition. London : Allyn and Bacon.
- William dan Margaret (2002). "Auditing and Assurance Services in Malaysia." Kuala Lumpur : Mc Graw Hill
- Zahara Che Mat (1992). "Konsep Kendiri dan Pemilihan Kerjaya : Satu Kajian Perbandingan di antara Anak Yatim dengan Pelajar Yang Masih Mempunyai Ibubapa." Universiti Kebangsaan Malaysia : Tesis Sarjana
- "Enron Collapse". <http://fernando.emerald-library.com/vl=5326412> (Carian pada 13 Jun 2003)